

Sosialisme Islam Menurut Mustafa al-Siba'i

[Islamic Sosialisme According to Mustafa al-Siba'i]

Mohd Hatib Ismail¹, Ahmad Sunawari Long² & Siti Rohani Jasni³

¹ (Corresponding Author) Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu, Malaysia. E-mail: mohdhatib@ums.edu.my.

² Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Malaysia. E-mail: aslong@ukm.edu.my.

³ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu, Malaysia. E-mail: s_rohani@ums.edu.my.

ABSTRACT

The ideology of socialism has emerged among Western thinkers to create a society based on social justice. Mustafa al-Siba'i, a Muslim thinker from Syria believed that the social justice emphasised in the concept of socialism is closely related to Islamic teachings, leading him to write a book titled 'Islamic Socialism'. However, a question arose as to whether Mustafa al-Siba'i's ideas were acceptable and aligned with the core teachings of Islam, as derived from the Qur'an and the Sunnah. This study examines Mustafa al-Siba'i's intellectual background, which shaped his idea of Islamic socialism. It also compares Islamic socialism and Islamic society concepts. Data were collected by assembling Mustafa al-Siba'i's works on the social system and his ideas on socialism. The data were analysed using historical and content analysis methods based on his works. The findings revealed that Mustafa al-Siba'i was an Islamic scholar committed to society and community. He introduced the idea of Islamic socialism to balance social justice, encompassing both individual and societal rights. His concept of Islamic socialism also does not conflict with the foundations and principles of Islamic teachings.

Keywords: *Mustafa al-Siba'i; Islamic Thought; Islamic Socialism*

ABSTRAK

Ideologi sosialisme lahir dalam kalangan pemikir Barat bagi mewujudkan sebuah masyarakat yang berteraskan keadilan sosial. Mustafa al-Siba'i seorang pemikir muslim dari Syria juga berpandangan keadilan sosial yang ditekankan dalam konsep sosialisme sangat berkait rapat dengan ajaran Islam sehingga beliau menulis sebuah buku yang bertajuk 'Sosialisme Islam'. Namun, Adakah idea-idea Mustafa al-Siba'i dapat diterima serta selaras dengan panduan al-Quran dan al-Sunnah? Kajian ini bertujuan untuk mengkaji latar belakang pemikiran Mustafa al-Siba'i yang

membentuk idea sosialisme Islam. Kajian ini juga akan menganalisis perbandingan pemikiran sosialisme Islam dengan konsep kemasyarakatan Islam. Pengumpulan data dijalankan dengan mengumpul karya Mustafa al-Siba'i yang berkaitan sistem kemasyarakatan dan idea sosialisme beliau. Manakala, data akan dianalisis menggunakan kaedah analisis persejajaran dan analisis kandungan terhadap karya beliau. Hasil kajian menunjukkan bahawa Mustafa al-Siba'i merupakan seorang sarjana Islam yang komited dalam bidang sosial dan kemasyarakatan. Beliau memperkenalkan idea sosialisme Islam untuk mengimbangi keadilan sosial yang meliputi hak-hak individu dan masyarakat. Idea sosialisme Islam beliau juga tidak bertentangan dengan dasar dan prinsip ajaran Islam.

Kata Kunci: Mustafa al-Siba'i; Pemikiran Islam; Sosialisme Islam

How to Cite:

Received: 16-9-2024

Revised: 16-11-2024

Accepted: 17-11-2024

Published: 20-11-2024

Ismail, M. H., Long, A. S. & Jasni, S. R. (2024). Sosialisme Islam Menurut Mustafa Al-Siba'I. *RABBANICA - Journal of Revealed Knowledge*, 5(2), 115-131.

1. Pendahuluan

Mustafa al-Siba'i telah menulis sebuah buku bertajuk *al-Ishtirākiyyah al-Islām* untuk membahaskan sistem sosial yang dikenali sebagai sosialisme Islam. Beliau cuba memperkenalkan pembaharuan dalam sistem masyarakat Islam dengan memperkenalkan sosialisme Islam, namun beliau menegaskan bahawa sosialisme Islam bukanlah seperti sosialisme barat ataupun komunisme. Apa yang cuba diutarakan oleh tokoh ini ialah bagaimana sistem sosial Islam yang lebih baik daripada barat ataupun komunisme yang berpaksikan kepada al-Quran dan al-Sunnah. Mustafa al-Siba'i mendapat kritikan kerana dikatakan mengikut aliran pemikiran sosialis barat dan komunisme yang memperjuangkan idea sosialisme. Namun, penegasan dilakukan Mustafa al-Siba'i bahawa beliau tidak bersetuju sosialisme sebagai pemikiran aliran moden yang menjadi hak barat atau ideologi tertentu, bahkan sosialisme merupakan cita-cita kemanusiaan yang dianjurkan oleh para nabi dan pemimpin manusia sejak dari zaman purba. Cita-cita inilah yang menjadi impian bagi bangsa-bangsa pada dunia hari ini, terutama bangsa atau masyarakat yang dibelenggu kezaliman sistem masyarakat yang mengamalkan sistem kapitalis.

Sosialisme ialah ideologi yang menekankan kepentingan kolektif dan keadilan sosial dalam masyarakat. Ideologi ini bertujuan memastikan kesejahteraan dan keadilan sosial dinikmati oleh semua lapisan masyarakat, bukan hanya oleh golongan tertentu. Salah satu elemen penting dalam

sosialisme adalah usaha menghapuskan jurang ekonomi yang ketara antara golongan kaya dan miskin. Dalam hal ini, sosialisme melihat masyarakat sebagai entiti yang bersatu dan bertanggungjawab untuk merealisasikan keadilan sosial, kesejahteraan, serta kebajikan bersama.

2. Metodologi Kajian

Kajian ini berbentuk kajian kepustakaan, dengan pengumpulan data dilakukan melalui rujukan terhadap karya-karya akademik hasil penulisan Mustafa al-Siba'i yang membincangkan idea Sosialisme Islam. Selain itu, beberapa karya akademik yang mengupas ketokohan Mustafa al-Siba'i turut dikumpulkan sebagai bahan rujukan tambahan. Analisis data dilaksanakan menggunakan kaedah analisis kandungan melalui pendekatan deskriptif dan koheren, bagi meneliti kesinambungan pemikiran Mustafa al-Siba'i mengenai sosialisme Islam.

3. Biodata Mustafa al-Siba'i (1915-1964)

Tokoh ini lahir pada tahun 1915 di sebuah bandar yang bernama Homs, Syria. Al-Siba'i berasal dari keluarga yang mempunyai latar belakang agama yang kuat. Bapanya Husni al-Siba'i merupakan seorang tokoh berpengaruh di bandar kelahirannya (Zarzur 2003). Beliau pernah bertugas sebagai penyampai khutbah di masjid besar Homs, di samping aktif berdakwah kepada masyarakat dengan membawa slogan amar makruf nahi mungkar (Thahhan 2002).

Kehidupan awal remaja Mustafa al-Siba'i banyak diluangkan dengan menuntut ilmu dalam majlis-majlis ilmu (Zarzur 2003). Beliau sentiasa bersama bapanya menghadiri majlis diskusi ilmu berkaitan perbahasan fikah dengan ulama-ulama lain di sekitar bandar Homs. Pengajian ilmu al-Quran dan ilmu-ilmu asas syariah diperolehi daripada bapanya, manakala di peringkat pendidikan yang formal adalah sekolah rendah dan menengah (Thahhan 2002). Di samping itu, beliau pernah juga berguru dengan salah seorang Mufti Homs yang bernama sheikh Tahir al-Atasi (Abdullah 1983). Beliau melanjutkan melanjutkan pelajaran di Universiti al-Azhar, Mesir dan memperolehi sarjana muda Syariah dan Usuluddin pada tahun 1933 (Ghazali 2009). Setelah itu, beliau menyambung pengajian di peringkat sarjana di universiti yang sama dan selesai peringkat tersebut dengan memperolehi sarjana dalam bidang Usuluddin. Kecintaannya terhadap dunia ilmu diteruskan ke peringkat tertinggi dalam pengajian kedoktoran falsafah, di mana beliau berjaya

menamatkannya dengan cemerlang melalui sebuah tesis yang bertajuk *al-Sunnah wa Makānatuhā fī al-Tasyrīʿ* pada tahun 1949.

Mustafa al-Sibaʿi menghembuskan nafas terakhir pada hari Sabtu 3 Oktober 1964 bersamaan 20 Jamadil Awal 1384 selepas menghabiskan hampir keseluruhan hidupnya berbakti kepada agama, bangsa dan negara yang dicintainya. Kematianannya merupakan satu kehilangan besar bagi penduduk Syria dan pergerakan Islam.

Antara karya-karya yang telah beliau hasilkan: *al-Sunnah wa Makānatuhā fī al-Tasyrīʿ*, *al-ʿIshtirākiyyah al-Islām*, *al-Marʾah Bayna al-Fiqh wa al-Qānūn*, *al-Takāful al-Ijtimaʿī*, *Akhlaqunā fī al-Ijtimaʿ*, *Min Rawāʿi Hadāratinā*, *Sirah al-Nabawiyyah*, *Hadāratul Islāmiyyah*, *Syarah Qanūn Bayna al-Ahwāl al-Shakhsiyyah*, *Hāzā huwa al-Islām*, *Ahkām al-Ṣiyām wa Falsafatuhu*, *Huqūq al-hayawān fī al-Islām* dan *al-Istishrāq wa al-Mustashriqūn*. Penulisan beliau menyentuh beberapa cabang bidang ilmu Islam seperti berikut:

3.1 Bidang Hadis

Pembelaan Mustafa al-Sibaʿi mengenai kedudukan al-Sunnah dalam Syariat Islam memberi sumbangan besar kepada umat Islam. Beliau telah menjawab segala keraguan dan tuduhan yang dicanangkan oleh musuh-musuh Islam untuk melemahkan kedudukan al-Sunnah dalam tradisi sumber pegangan umat Islam. Keraguan dan persoalan yang ditimbulkan tentang al-Sunnah dijawab secara intelektual dan ilmiah oleh beliau. Dalam menentang arus dunia moden beliau membawa kepada umat Islam satu keyakinan bahawa al-Sunnah mempunyai kedudukan yang sangat penting sebagai garis panduan hidup beragama (Ghazali 2009).

Mustafa al-Sibaʿi sememangnya tokoh yang mendahulukan al-Quran dan al-Sunnah dalam setiap pemikiran beliau, beliau juga seorang tokoh pemikiran Islam moden yang banyak membela al-Sunnah dari kecaman barat dan orientalis. Sumbangan beliau dalam bidang hadis antara yang besar ialah tesis yang dihasilkan bertajuk *al-Sunnah wa Makānatuhā fī al-Tasyrīʿ* yang berjaya membuktikan kerelevanan dan kredibiliti al-Sunnah dalam perlaksanaan hukum dan undang-undang Islam sepanjang zaman.

3.2 Tamadun dan Peradaban

Menyentuh pemikiran tentang peradaban dan tamadun, Mustafa al-Sibaʿi (2005) mengarang sebuah buku bertajuk *Min Rawāʿi Hadāratinā* yang menghuraikan tentang kemerosotan tamadun Barat selepas mereka mendakwa mereka telah mencapai kemajuan dalam segenap bidang.

Menurut beliau tamadun Barat gagal membawa kebahagiaan dunia dan tidak dapat memainkan peranan sepenuhnya untuk memimpin dunia. Justeru itu, beliau menyatakan umat Islam mampu membawa tamadun yang lebih sempurna, beliau meyakinkan masyarakat bahawa peradaban umat Islam memainkan peranan untuk mentadbir dunia, ini disebabkan:

- i. Umat Islam berpengalaman memberi sumbangan terhadap pembangunan tamadun. Islam adalah kepercayaan ilmu yang menghormati akal dan mendorong akal menyingkap rahsia-rahsia. Islam mempunyai akidah akhlak yang lurus dan mulia, tidak mengamalkan sikap berlebihan melampau dan tidak adil.
- ii. Umat Islam mempunyai sifat rohani yang positif, rohani ketuhanan yang sehati dalam diri mereka. Ilmuwan Islam mempelopori bidang penelitian, falsafah, perundangan dan kemasyarakatan.

Bagi Mustafa al-Siba'i, maksud tamadun ialah satu sistem sosial yang membangunkan manusia bagi meningkatkan produktiviti kebudayaan. Tamadun terbentuk melalui empat bahagian utama iaitu sumber ekonomi, kuasa politik, tradisi moral dan khazanah ilmu dan seni. Menurutnyanya lagi, sebab kejatuhan sesuatu tamadun adalah kerana: Kemerosotan akhlak dan pemikiran, sistem dan undang-undang rosak, kezaliman dan kemiskinan berleluasa, bersifat putus asa, tiada kepakaran dan kecekapan serta kemalapan pemimpin-pemimpin yang ikhlas.

3.3 Bidang Fiqh

Dalam bidang ini, Mustafa al-Siba'i (t.th) menumpukan kepada kedudukan wanita dalam Islam. Beliau telah menulis sebuah buku yang bertajuk *Wanita di antara Hukum Islam dan Perundangan*. Karya ini ditulis bertujuan untuk menjawab dan menangkis serangan pemikiran Barat tentang kedudukan wanita dalam Islam. Di samping membuang segala tanggapan buruk terhadap kaum wanita. Islam hadir membawa prinsip keadilan yang menjamin hak setiap individu, tanpa menafikan hak mana-mana pihak, selaras dengan kedudukan mereka dalam prinsip Islam. Sistem sosial dalam masyarakat Islam memberikan ruang kepada wanita untuk berperanan dalam pelbagai aspek, antaranya:

Pertama: Dalam aspek kemanusiaan, Islam mengiktiraf kesempurnaan kemanusiaan wanita, menjadikan martabat mereka setara dengan lelaki.

Kedua: Dalam aspek kemasyarakatan, Islam mengalakkan wanita belajar dan menyertai pelbagai dimensi kemasyarakatan sejak awal kanak-kanak sehingga akhir hayat.

Ketiga: Dalam aspek hukum, Islam memberi kemampuan bertindak kepada wanita apabila mereka dewasa. Hak ini tidak boleh dibatasi oleh orang lain.

4. Sosialisme Islam

Menelusuri dunia pemikiran Muslim kontemporari dan moden, bentuk pemikiran seumpama ideologi Sosialisme menjadi idea dalam pemikiran-pemikiran tokoh pembaharuan dan kebangkitan Islam. Idea dan pemikiran sosialisme pada asalnya muncul dalam pemikiran dan konflik di Eropah, namun ianya juga menjadi dasar pemikiran di negara Timur Tengah. Tokoh modenisme Islam Jamaluddin al-Afghani (1838-1897) antara pemikir yang mengutarakan idea Sosialisme dan berpendapat ianya terdapat dalam Islam (Alatas 1976).

Pengaruh sosialisme telah menyerap masuk ke dalam pemikiran masyarakat Muslim dan juga sarjana muslim di beberapa negara umat Islam. Antara pemikir sosialis terawal di Mesir adalah Salamah Musa seorang sarjana dalam bidang keadilan sosial yang mana merupakan lulusan Barat cuba memperkenalkan tema sosialis dalam kalangan intelektual arab. Selepas perang dunia kedua, pemikiran Sosialisme Islam atau disebut juga Sosialisme Arab mula tersebar di negara Timur Tengah dan Afrika Utara. Di Mesir, Presiden Jamal Abdul Naser antara salah seorang pemimpin arab yang banyak memperjuangkan idea *Arab Socialisme* melalui gagasan ideologi sosialisme (Soetomo, 2023). Beliau dikatakan banyak terpengaruh dengan idea Mustafa al-Siba'fi, namun berpaling tadah apabila berjaya menguasai tampuk pemerintahan Mesir.

Manakala di Syria dan Iraq, pergerakan *Ba'ath* banyak memperjuangkan sosialisme menentang penjajahan. Mereka menerapkan idea undang-undang sosial dalam bidang kesihatan, pendidikan dan hak buruh bagi bagi kesamarataan perkhidmatan awam. Manakala di Iran, pengaruh pemikiran sosialisme antara tunggak utama revolusi Iran, tokoh-tokoh seperti Mehdi Bazargan, Ali Shari'ati dan Ayatollah Khomeini menjadi tunggak kepada pemikiran sosialisme di Iran. Sementara di Libya, Muammar Ghadafi berjaya menggulingkan kerajaan bersistemkan raja dan mengumumkan satu bentuk masyarakat negara baru berdasarkan kesatuan arab, sosialisme dan Islam (Rizwan Hussain, 2009). Pengaruh ideologi sosialisme juga menyerap masuk ke Indonesia melalui pemikiran H.O.S Tjokroaminoto. Tokoh ini cuba membangunkan masyarakat Indonesia yang lebih setara dan mengurangkan

jurang ekonomi antara golongan kaya dan miskin. Tokoh ini juga mengajak masyarakat Indonesia meninggalkan sistem pentadbiran Belanda yang mengamalkan konsep *capital-Imperialisme* (Abidin 2020).

Berikutnya Mustafa al-Siba'i cuba memperkenalkan pembaharuan dalam sistem masyarakat Islam dengan memperkenalkan sosialisme Islam, namun beliau menegaskan bahawa sosialisme Islam bukanlah seperti sosialisme Barat ataupun komunisme. Apa yang cuba diutarakan oleh tokoh ini ialah bagaimana sistem sosial Islam adalah lebih lebih baik daripada Barat ataupun komunisme. Sosialisme Islam sudah pasti berpaksikan kepada sumber ajaran yang benar iaitu berpaksikan kepada al-Quran dan al-Sunnah.

Apabila kebanyakan negara yang dibelenggu masalah kezaliman ingin melaksanakan keadilan sosial dengan menumpukan perhatian kepada cita-cita yang disebut di atas, mereka mula tertarik dengan aliran sosialisme kerana yakin aliran ini dapat menyelesaikan masalah sistem sosial, maka bagi Mustafa al-Siba'i menyatakan bahawa kita seharusnya dan berhak untuk menunjukkan kepada mereka satu jalan yang lebih baik dan selamat bagi mencapai tujuan dan cita-cita yang baik dalam sosialisme. Jalan yang lebih terjamin daripada kerosakan dan sesetengah penyakit sosialisme itulah yang dinamakan sosialisme Islam.

Dalam situasi kepelbagaian aliran dan ideologi muncul mencari keadilan sejagat dan keamanan sosial, Mustafa al-Siba'i mengemukakan beberapa persoalan bagi pencetus kepada sosialisme Islam, antaranya: apakah sikap orang yang mempunyai kebenaran (umat Islam) ketika orang ramai sibuk untuk mencari pelbagai aliran dan ideologi untuk mencari kebenaran? Tidakkah mereka ingin membuat pembaharuan untuk menarik perhatian masyarakat kepada jalan yang lebih selamat? Kenapa kita kaum muslimin tidak melakukan pembaharuan dan menyampaikan ajaran agama untuk yang lebih holistik dan adil dalam sistem kehidupan masyarakat? (al-Siba'i 1965).

Mustafa al-Siba'i lebih selesa menggunakan istilah sosialisme Islam kerana istilah itu lebih menarik perhatian oleh orang ramai pada ketika itu. Ini kerana keyakinan yang kuat masyarakat dunia terhadap sosialisme sebagai jalan penyelesaian terhadap keburukan ekonomi dan sistem masyarakat yang tidak adil. Maka acuan pembaharuan masyarakat yang terbaik untuk melaksanakan keadilan sosial adalah dalam acuan sosialisme Islam. Terdapat kritikan terhadap idea sosialisme Islam seperti mendakwa bahawa sosialisme merupakan aliran pemikiran daripada Barat yang merebak masuk ke dalam pemikiran orang Islam sehingga bercampur aduk urusan agama dengan sistem masyarakat Barat. Menjawab persoalan tersebut, beliau menyatakan setelah mengikuti kemajuan di Eropah masyarakat Islam beralih pandangan ke sana bagi memperbaiki kedudukan, ekonomi, kemajuan dan keadilan. Mustafa al-Siba'i menegaskan bahawa tidak menjadi satu kepelikan dan kesalahan kalau kita mengambil dan mencontohi pemikiran yang baik daripada Barat untuk

memperbaiki keadaan kita. Apa yang benar daripada mereka perlu kita akui, namun yang menjadi kesalahan kita menutup kebenaran atas sentimen agama sehingga gagal menaikkan taraf kehidupan orang ramai (al-Siba'i 1960).

Ketika menggunakan istilah sosialisme Islam, Mustafa al-Siba'i mendapat kritikan kerana didakwa mengikut aliran pemikiran sosialis barat dan komunisme yang memperjuangkan idea sosialisme dan cuba menyesuaikan Islam dengan aliran moden semasa. Namun penegasan dilakukan Mustafa al-Siba'i bahawa beliau tidak bersetuju sosialisme sebagai pemikiran aliran moden yang menjadi hak Barat atau ideologi tertentu, bahkan sosialisme merupakan cita-cita kemanusiaan yang dianjurkan oleh para nabi dan pemimpin manusia sejak dari zaman purba. Cita-cita inilah yang menjadi aspirasi bangsa-bangsa di dunia hari ini, terutamanya masyarakat yang kurang maju, untuk membebaskan diri daripada kezaliman dan ketidakadilan kelas sosial yang merendahkan martabat manusia. Sosialisme bagi beliau lagi mempunyai banyak fahaman, namun yang jelas ada titik pertemuan antara fahaman tersebut iaitu mengawal seseorang daripada menjadi kaya dan menimbun harta di atas hasil titik peluh orang ramai. Para pemerintah berhak mengawal pembangunan sosio ekonomi dan melaksanakan keseimbangan ekonomi dalam masyarakat supaya tidak ada golongan yang miskin mati kelaparan di samping golongan yang kaya (al-Siba'i 1960). Ini antara aspek keadilan sosial yang terdapat dalam pemikiran sosialisme Mustafa al-Siba'i. Islam sebagai agama yang lengkap dalam menyusun atur kehidupan sosial masyarakat semestinya mempunyai kaitan rapat dengan ruh sosialisme.

5. Sosialisme Islam dan Keadilan Sosial

Secara umumnya, slogan keadilan sosial banyak diperkatakan di seluruh dunia termasuk dunia Barat dan Islam terutamanya di negara-negara timur tengah. Persoalan keadilan sosial ini dapat dikesan dalam ideologi pemikiran sosialisme yang menerapkan ciri-ciri keislaman. Keadilan sosial menjadi matlamat utama dalam ideologi tersebut untuk memastikan masyarakat menikmati kehidupan berdasarkan hak-hak dan tanggungjawab bersama. Keadilan sosial lebih ketara dikemukakan dalam aliran pemikiran yang bersifat sosialisme barat dan juga beberapa tokoh pemikir Islam yang menerima sosialisme dalam Islam.

Perkaitan antara sosialisme Islam dengan keadilan sosial dalam pemikiran Mustafa al-Siba'i dihubungkan melalui bagaimana beliau merombak satu bentuk pemikiran baru yang menyentuh soal keadilan sosial dalam suasana era moden. Pemikiran tersebut boleh dijadikan panduan ketika umat manusia berhadapan dengan berbagai aliran dan ideologi. Walaupun dilihat sesetengah falsafah keadilan sosial dan aliran sosialisme barat telah

berjaya membela umat manusia di tempat mereka dengan keadilan dan mencapai kemajuan, namun masih banyak kelemahan dalam aliran pemikiran mereka. Melihat kepada keadaan itu, Musatafa al-Siba'i berpandangan bahawa perkara benar dalam aliran dan falsafah mereka patut diterima, manakala perkara yang lemah harus ditolak. Ideologi Barat banyak mengenyepikan soal kebenaran agama dalam soal kemajuan dan pembangunan. Keadaan itu bertentangan dengan cara hidup dalam ajaran Islam yang menyeru kepada keseimbangan pembangunan material dan rohani. Maka dengan itu lahir sosialisme Islam bagi mengembalikan keadilan sosial yang sebenar yang sepatutnya dijadikan landasan dalam kehidupan sosial untuk mencapai cita-cita keadilan sejagat dan keamanan sosial.

Dalam idea sosialisme Islam ini, setiap manusia yang hidup atas muka bumi juga mempunyai hak tertentu secara individu yang perlu diberikan. Hak ialah sesuatu yang patut diperolehi oleh seseorang secara fitrah (*nature*) ataupun melalui undang-undang negara. Dimasukkan hak individu dalam keadilan sosial kerana melihat kepada bagaimana seseorang individu diberi hak yang sepatutnya dan seadilnya. Ini kerana setiap seseorang yang berhak ke atas sesuatu, maka adalah satu keadilan baginya apabila hak tersebut dapat dilunaskan. Di samping itu, setiap individu yang hidup juga mempunyai tanggungjawab dan amanah yang perlu dilaksanakan. Al-Siba'i (1960) menggunakan istilah *Huquq al-Ṭabīʿiyyah* untuk menjelaskan hak-hak asas setiap individu atau seseorang penduduk di bawah satu pemerintahan atau di sesuatu tempat. Beliau telah menggariskan beberapa dasar keadilan sosial utama iaitu:

i) Hak hidup

Allah S.W.T telah mengurniakan hak untuk hidup bagi setiap manusia, maka tidak boleh hak ini dicabar dan diganggu kecuali dengan kebenaran syarak. Justeru itu, haram melakukan pembunuhan sama ada terhadap orang lain atau tindakan membunuh diri. Sebarang tindakan dan tekanan yang menjejaskan hak asasi untuk hidup merupakan perkara yang dilarang oleh Barat dan Islam. Dalam Islam jelas hukum bagi orang yang membunuh dengan sengaja adalah haram dengan mensyariatkan hukum bunuh balas bunuh (*qisas*) supaya umat menjauhi perbuatan tersebut. Menjaga nyawa manusia termasuk dalam salah satu daripada *Maqasid Shari'ah* dalam Islam yang perlu dipelihara. Sebagai panduan daripada al-Quran mengenai hak hidup dan pemilikan mutlak kehidupan manusia, Al-Siba'i memetik ayat seperti berikut:

Terjemahan: Dan Sesungguhnya Kamilah yang menghidupkan dan yang mematikan, dan Kamilah yang kekal memiliki segala-galanya (al-Hijr, 15:23)

Selain itu, setiap perkara yang perlu untuk kelangsungan hidup adalah wajib seperti menjaga kesihatan badan, mengawal penyakit berjangkit dan menyediakan kemudahan rawatan kepada pesakit. Islam melarang melakukan perkara yang boleh merosakkan tubuh badan serta mengancam nyawa seperti meminum arak, diet yang tidak sihat dan aktiviti yang berbahaya. Makan dan minum merupakan keperluan untuk terus hidup, namun tidak boleh melampaui batas sehingga memudaratkan.

ii) Hak kebebasan

Islam telah menetapkan bahawa hak kebebasan kepada setiap manusia adalah semenjak dia dilahirkan. Insan yang merdeka itu ialah membuang segala bentuk penyembahan terhadap makhluk dan hanya menyembah Allah S.W.T. Setiap orang mestilah bebas dari segala bentuk kezaliman, sikap materialistik dan nafsu yang jahat.

Hak kebebasan menurut al-Siba'i (1986) juga boleh berubah mengikut situasi dan keadaan mengikut keperluan semasa. Hak kebebasan manusia boleh dilucutkan pada beberapa keadaan seperti untuk mempertahankan kemerdekaan dan keselamatan negara daripada serang musuh. Musuh boleh dijadikan tawanan perang sebagai satu langkah menjamin keselamatan. Begitu juga hukuman penjara bagi pesalah yang melakukan jenayah, manusia yang telah melakukan jenayah semestinya dihukum. Hal ini tidak menyalahi hak kebebasan manusia, kerana pesalah itu sendiri yang melakukan sesuatu hal yang menyebabkan dirinya dipenjarakan.

Setiap individu tidak boleh dipenjara tanpa ada kesalahan yang terbukti sahih. Individu bebas untuk menyatakan pendapat dengan bersuara. Individu bebas untuk berada dalam apa-apa gerakan yang tidak menyalahi undang-undang. Pokoknya kebebasan itu adalah kemerdekaan kepada diri, bebas melakukan aktiviti tanpa ada paksaan atau ugutan selagi mana tidak menyalahi undang-undang. Maksud kebebasan ini juga boleh difahami bahawa tidak boleh disekat kemahuan dan peluang yang ada dalam diri seseorang (al-Siba'i 1960).

Dari sudut yang lain, hak kebebasan tidak boleh jadikan alasan untuk melanggar syariat Islam. Hal ini seperti dakwaan golongan Lesbian, Gay, Bioseksual dan Transgender (LGBT) yang menuntut hak kebebasan asasi untuk melakukan perkara yang melanggar fitrah kejadian manusia. Oleh kerana golongan ini menghadapi kekangan dalam mengekspresikan naluri keperempuanan dan orientasi seksual mereka, maka mereka bertindak dengan menuntut hak kebebasan seperti mana yang dimiliki oleh masyarakat awam dan golongan heteroseksual (Azid et al. 2020b). Kebebasan manusia tidak boleh melampaui batasan yang telah ditetapkan syarak.

iii) Hak Pengetahuan

Islam mewajibkan kepada umatnya untuk menuntut ilmu. Ajaran Islam mengajak kepada ilmu pengetahuan dengan mengurangi kelompok manusia yang jahil kepada meramaikan manusia yang pandai. Adalah satu kewajiban bagi orang yang jahil belajar daripada mereka pandai, manakala wajib orang yang pandai mengajar orang yang jahil. Konsep yang disarankan Islam ialah belajar dan mengajar. Justeru itu, menjadi kewajiban pemerintah membasmi kejahilan dan buta huruf, menggesa orang berilmu menyampaikan ilmu kepada yang tidak berilmu.

iv) Hak kehormatan

Setiap anak Adam mempunyai kemuliaan berdasarkan penciptaan Allah. Mereka mempunyai hak kehormatan tanpa mengira kira bangsa, agama, asal keturunan, bahasa dan taraf sosial. Kehormatan bagi setiap manusia juga meliputi kesamarataan hak kehormatan undang-undang, menerima bantuan, dan menjaga maruah. Beliau menyatakan bahawa manusia telah dimuliakan daripada segala perkara lain di atas muka bumi. Kemuliaan itu merupakan satu daripada hak kepada setiap insan. Kehormatan bersama dengan sifat kemanusiaan sama ada dari fizikal dan mental. Beliau menegaskan, sekiranya hak kehormatan diketepikan dalam kalangan manusia, tidak akan boleh terbina sebuah masyarakat yang dapat hidup dalam keadaan bersatu padu, harmoni dan aman damai. Kesemua manusia yang wujud adalah anak Adam a.s. walaupun berbeza warna kulit, keturunan, bahasa dan agama. Tidak boleh mengatakan manusia yang berkulit putih itu lebih mulia daripada yang berkulit hitam, tidak benar jika menganggap manusia lebih mulia dari sesuatu kaum daripada satu kaum yang lain, tidak juga manusia Barat lebih mulia daripada manusia sebelah Asia (al-Siba'i 1986).

v) Hak Memilik

Manusia diberi hak untuk mencari harta pencarian dan memiliki sesuatu yang diusahakan. Pintu rezeki dibuka untuk setiap orang. Hasil bumi tidak tertumpu untuk sesuatu golongan sahaja, bahkan setiap orang disaran untuk berusaha mengikut kemampuan dan tenaga masing-masing. Hartanya tidak boleh dilucutkan pemilikan dan dirampas sewenang-wenangnya. Keselamatan harta milik setiap rakyat menjadi tanggungjawab dan jaminan kepada pemerintah. Islam dengan tegas melarang perbuatan mencuri dan mengambil harta orang lain secara batil dan jahat. Pintu rezeki adalah terbuka luas, maka bebas untuk manusia itu mencari apa yang halal baginya. Apabila seseorang itu beroleh

kekayaan, maka itu adalah miliknya dan tidak boleh dilucutkan pemilikan tersebut tanpa sebab (al-Siba'i 1960).

vi) Hak Wanita

Isu berkenaan hak wanita Islam seringkali disuarakan sehingga wujud kritikan terhadap hukum syarak yang menyatakan berlaku diskriminasi antara dua gender iaitu lelaki dan wanita. Ada golongan cuba mempertikaikan setiap nas dalam ajaran Islam yang baginya cuba mengehadkan aturan dan kehendak seksual seorang wanita. Mereka mendakwa oleh kerana perspektif klasik berhubung dengan wanita menjadi sumber fitnah dan kecenderungan seksualiti wanita yang kuat menyebabkan tindak tanduk kaum wanita perlu dikawal (Azid et.al. 2020a).

Pandangan yang mendakwa Islam mengekang kebebasan wanita adalah salah. Kaum wanita juga memainkan peranan penting dalam lapangan sosial, dan mereka mempunyai hak untuk bersosial dalam masyarakat. Al-Siba'i (1986) telah menyatakan terdapat hak utama wanita dalam lapangan sosial dan kemasyarakatan seperti beliau jelaskan dalam perkara-perkara berikut;

Pertama; Hak wanita untuk menuntut ilmu. Di dalam masyarakat, wanita mempunyai hak untuk menuntut ilmu dan menguasai berbagai bidang dengan diberi peluang untuk mereka memenuhi kemahuan untuk belajar. Dalam hal ini juga al-Siba'i telah mengkritik suasana yang berlaku di Syria di zamannya dengan menyatakan ramai kaum wanita yang tidak bersekolah dan mendapat pendidikan. Keadaan itu pada pandangan al-Siba'i merupakan suatu kebodohan di dalam masyarakat yang menjadi salah satu sebab kepada terjadinya kemunduran Negara dan umat Islam jauh ketinggalan. Hujah kaum ibu yang bodoh akan menjadikannya anak-anak mereka jahil, bodoh dan buruk perangai kerana tidak dididik dengan ilmu yang sepatutnya. Al-Siba'i juga menekankan keperluan pendidikan untuk anak-anak perempuan supaya mereka mampu untuk berdikari dan menempuh masa depan mereka dengan ilmu dan kecerdikan. Kaum wanita juga akan terlibat dengan pekerjaan, maka jika tidak mempunyai pelajaran akan menyusahkan urusan mereka dalam mencari pekerjaan (al-Siba'i 1986).

Kedua; Hak wanita untuk bekerja. Wanita menurut al-Siba'i (1986) mempunyai hak untuk dilantik menjadi penjawat awam seperti menjadi pegawai di jabatan-jabatan kerajaan, guru, doktor, jurutera dan apa-apa jawatan yang sesuai dengan wanita. Sememangnya diakui dalam hal pekerjaan, ada perkara yang tidak mampu dilakukan oleh wanita, tetapi mereka juga mampu mengisi jawatan dalam banyak bidang kerja.

Sesungguhnya banyak persamaan hak antara lelaki dan wanita dalam Islam. Konsep masyarakat Islam tidak pernah mengeneipikan soal hak wanita,

bahkan segala hal berkaitan kaum wanita terbela dan terjamin di bawah naungan ajaran Islam yang syumul. Al-Siba'i berjaya untuk membuktikan bahawa keadilan sosial Islam merangkumi segala aspek kemanusiaan dan menunjukkan betapa lengkapnya Islam sebagai satu ajaran yang wajib diikuti.

6. Sosialisme Islam dan Kebajikan Sosial

Al-Siba'i (1998) menggunakan Istilah *al-Takāful al-Ijtimā'ī* yang merangkumi beberapa pengertian menurut beliau, antaranya adalah seperti berikut:

6.1 Jaminan dan Tanggungjawab

Menurut al-Siba'i (1986), setiap individu dalam masyarakat berada dibawah jaminan dan tanggungan ahli masyarakat. Pengertian ini boleh difahami berdasarkan maksud hadis Rasulullah:

Terjemahan: Demi diriku yang berada di dalam kekuasaan Allah bahawa sesiapa pun tidak akan masuk syurga jika tidak memberi perlindungan kepada jirannya yang terhimpit (*Ṣaḥīḥ Bukhārī*, no.hadith: 6016).

Tokoh lain juga ada menerangkan maksud yang sama dalam menekankan tanggungjawab pemerintah kepada rakyatnya seperti Muhammad Abu Zahrah (1987) menyatakan bahawa tanggungjawab setiap pemerintah adalah penjamin rakyatnya dan membantu mereka ke arah kebajikan. Masyarakat saling jamin-menjamin antara satu sama lain bagi meringankan beban seseorang serta menjauhi kerosakan yang menyusahkan.

6.2 Tolong-Menolong

Al-Siba'i (1986) menghuraikan maksud tolong menolong berpandukan Firman Allah s.w.t yang bermaksud:

Terjemahan: Hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertaqwalah kepada Allah, kerana Sesungguhnya Allah Maha berat azab seksaNya (bagi sesiapa Yang melanggar perintahNya) (al-Maidah, 5:2).

Hal ini juga disebut dalam sebuah hadis Rasulullah:

Terjemahan: Tolonglah saudaramu, baik yang melakukan kezaliman atau yang dizalimi, kemudian nabi ditanya, “Bagi yang dizalimi kami wajib menolong, tetapi bagaimana pula untuk (menolong) orang yang melakukan kezaliman ya Rasulullah?” Nabi menjawab, “kamu pegang kedua tangannya atau kamu cegah dia daripada melakukan kezaliman, begitulah cara menolongnya (*Ṣaḥīḥ Muslim*, no. hadith: 6747).

Allah s.w.t telah memerintahkan para hamba-Nya yang beriman untuk tolong-menolong dalam mengerjakan perkara kebaikan (*al-birr*) dan menyinggalkan kemungkaran dan kefasadan melalui ketakwaan (*al-taqwā*). Allah s.w.t juga melarang mereka untuk tolong-menolong dalam perkara mungkar (*al-bāḥil*), dalam perkara maksiat (*al-maʿāṣim*) dan dalam hal-hal keji serta diharamkan. Tolong-menolong adalah satu kewajiban bagi setiap individu manusia yang hidup bermasyarakat.

6.3 Memelihara Kebajikan

Al-Sibaʿi (1997) menjelaskan bahawa keadaan masyarakat dan negara yang terpelihara kebajikannya akan selamat daripada kerosakan dan kemusnahan. Semua individu terpelihara haknya. Setiap ahli keluarga terpelihara kebajikannya. Setiap lapisan masyarakat terpelihara keharmonian. Negara terpelihara dengan pemerintahannya yang adil. Setiap hasil bumi terpelihara dengan perkongsian dan pengagihan yang saksama.

Boleh disimpulkan melalui pengertian di atas bahawa *al-Takāful al-Ijtīmāʿī* ialah pakatan antara individu, masyarakat dan pemerintah yang saling menjamin antara satu sama lain. Memupuk semangat tolong-menolong dari segi kebendaan dan kerohanian dan rasa bertanggungjawab atas setiap kesusahan yang berlaku dalam kalangan masyarakat. Memelihara sifat kasih sayang dan ukhuwah antara umat serta melakukan perkongsian dan pengagihan sumber-sumber negara dengan seadilnya.

Konsep Jaminan Masyarakat (*al-Takāful al-Ijtīmāʿī*) menurut al-Sibaʿi terbahagi kepada dua bahagian iaitu:

i) Golongan-golongan yang termasuk dalam jaminan masyarakat

Mereka ini adalah golongan yang termasuk di bawah jagaan dan bantuan daripada masyarakat. Mereka terdiri daripada; orang-orang miskin, orang buta, orang-orang sakit, orang lumpuh, warga emas, orang terbiar, anak-anak terbuang, anak-anak yatim dan tawanan perang. Selain daripada itu, terdapat juga golongan yang patut dibantu ketika dalam kesusahan, mereka terdiri daripada; orang yang berhutang dengan secara yang halal, orang terputus perbelanjaan, tetamu yang datang ke rumah, orang yang ditimpa kemalangan,

orang yang terlalu lapar dan dahaga, pemuda yang ingin berkahwin, membantu ketenteraan Islam untuk berperang dari segi kebendaan, bantuan kekeluargaan (al-Siba'i, 1997).

ii) Perbelanjaan dan Sumber Jaminan Masyarakat

Ini merupakan sumber yang boleh dijadikan sebagai jaminan masyarakat. Sumber boleh diperolehi daripada; Zakat, Nafkah kepada keluarga, Waqaf, Wasiat, Harta rampasan perang (*Ghanimah*), Harta galian (*Rikāz*), Orang yang bernazar untuk memberi sesuatu kepada orang lain, Bayaran kiffarat, Korban, Zakat fitrah dan Baitul mal. Semua yang disebut merupakan sumber yang boleh digunapakai bantuan kepada masyarakat yang layak menerimanya.

Secara keseluruhannya, pengalaman hidup telah menjadikan Mustafa al-Siba'i sebagai seorang tokoh Islam yang prolifik dalam bidang keilmuan dan gerakan Islam. Beliau merupakan seorang pejuang, pendakwah, pemimpin gerakan Islam, wakil rakyat, dan sarjana pemikir ulung yang berdedikasi membangunkan umat Islam. Sebagai ahli akademik dan aktivis sosial, beliau telah menyumbang kepada kemaslahatan dan pembaharuan dalam dunia Islam, khususnya di Syria iaitu tempat tanah kelahirannya. Pemikiran serta pembaharuan yang dibawa oleh beliau diterjemahkan melalui idea dan daya intelektualnya yang tinggi. Beliau gigih berusaha untuk membebaskan umat Islam daripada kejahilan, penindasan, dan penganiayaan. Keperibadian dan semangat beliau seharusnya menjadi contoh dan teladan bagi generasi umat Islam yang akan datang.

Idea Sosialisme Islam yang dikemukakan oleh Mustafa al-Siba'i bukan sesuatu yang bertentangan dengan ajaran Islam. Namun, idea tersebut merupakan satu pendekatan baru bagi menghadapi perkembangan teori dan ideologi sosial Barat yang meresap masuk ke dalam masyarakat Islam. Melalui Sosialisme Islam, beliau mengajak umat Islam untuk mengurus sistem sosial berdasarkan panduan ajaran Islam. Dalam kajian ini, Mustafa al-Siba'i mengembangkan konsep sosialisme Islam kepada dua perbincangan iaitu; pertama, sosialisme Islam dari sudut keadilan sosial melalui konsep hak asasi kemanusiaan yang meliputi hak-hak setiap individu dalam masyarakat. Manakala perbincangan kedua adalah Sosialisme Islam dari sudut Kebajikan Sosial melalui konsep Jaminan dan Tanggungjawab sosial yang meliputi sumber-sumber perbelanjaan dan kaedah pengagihan bantuan dalam masyarakat.

7. Kesimpulan

Kesimpulannya, perbincangan sosialisme Islam Mustafa al-Siba'i tertumpu kepada aspek keadilan sosial dalam masyarakat. Istilah sosialisme Islam

merupakan strategi untuk mendepani kecelaruan masyarakat Islam agar tidak terpengaruh dengan ideologi sosialisme Barat. Barat telah mengemukakan satu bentuk pemikiran kelas sosial yang mempengaruhi pemikiran masyarakat yang disebut *Socialism*. Pemikir Islam seperti Mustafa al-Siba'i cuba mendepani idea Barat dengan mengemukakan sistem sosial berpandukan ajaran Islam yang disebut Sosialisme Islam. Mustafa al-Siba'i pernah hadir membawa sinar Islam melalui pembaharuan-pembaharuan dalam pemikiran yang dilakukan khususnya untuk mengembalikan ajaran Islam yang syumul supaya umat Islam tidak ketinggalan serta dapat bersaing dengan tamadun Barat. Dengan tenaga dan semangat besar, beliau berusaha menghapuskan kejahilan dan ketidakadilan, memastikan umat Islam tidak dibelenggu oleh eksploitasi dan penindasan. Keperibadian dan semangat beliau sepatutnya menjadi contoh bagi generasi umat Islam akan datang untuk memperjuangkan hak kemanusiaan dan keadilan sosial mengikut prinsip-prinsip Islam. Sungguhpun tokoh ini sudah pergi meninggalkan kita hari ini, namun keilmuan yang telah ditinggalkannya tidak pernah luput dalam dunia keilmuan Islam. Semoga bakti yang beliau curahkan mendapat rahmat dan ganjaran di sisi Allah SWT.

Rujukan

- Abdullah, U. F. (1983). *The Islamic struggle in Syria*. Mizan Press.
- Abidin, J. (2020). Konsep sosialisme H.O.S. Tjokroaminoto. *Paradigma: Jurnal Kalam dan Filsafat*, 2(2), 57–80.
- Alatas, S. H. (1976). *Islam dan sosialisme*. Seruan Masa.
- Al-Bukhārī, M. I. (1422H). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Ed. Muhammad Zuhayr bin Nasir al-Nasir). Dar Tawq al-Najah.
- Al-Hajjaj, M. I. (1955). *Ṣaḥīḥ Muslim* (Ed. Muhammad Fu'ad Abdul-Baqi). Dar Ihya' al-Turath al-Arabi.
- Al-Siba'i, M. (1960). *Al-Ishtirākīyyah al-Islām*. Al-Dar al-Qawmiyah.
- Al-Siba'i, M. (1965). *Sosialisme Islam* (Hassan Saleh, Trans.). United Press.
- Al-Siba'i, M. (1986). *Wanita menurut pandangan Islam dan peradaban moden* (Halimudin, Trans.). Pustaka Antara.
- Al-Siba'i, M. (1997). *Al-Takāful al-Ijtimā'ī fī al-Islām*. Dar al-Warraq.
- Al-Siba'i, M. (2005). *Min rawā'ic hadāratinā*. Dar al-Salam.
- Al-Siba'i, M. (t.th). *Wanita di antara hukum Islam dan perundangan* (Chadidjah Nasution, Trans.). Bulan Bintang.
- Azid, M. A. A., Ariffin, M. F. M., & Ramli, M. A. (2020a). Revolusi hukum Islam pascamodenisme: Analisis terhadap isu-isu gender. *RABBANICA - Journal of Revealed Knowledge*, 1(1), 173.
- Azid, M. A. A., Subri, N. S. M., & Ahmad, K. (2020b). Mak nyah dan perkembangannya di Malaysia. *RABBANICA - Journal of Revealed Knowledge*, 1(1), 19–34.

- Donohue, J. J., & John, L. E. (Eds.). (1984). *Islam dan pembaharuan* (Machnun Husein, Trans.). CV Rajawali.
- Eltoum, R. (2023). Islam, democracy and socialism. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 8(56), 320–325.
- Ghazali, M. R. (2009). *10 tokoh sarjana Islam paling berpengaruh*. PTS Islamika.
- Ismail, M. H., & Jasni, S. R. (2023). Sumbangan pemikiran Mustafa al-Siba'i terhadap aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 24(2), 84–93.
- Lawson, F. H. (2004). Muslim Brotherhood in Syria. In J. L. Esposito et al. (Eds.), *The Oxford encyclopedia of Islamic world* (Vol. 4). University Press.
- Mansor, N. A. (2023). Sosialisasi pendidikan gender dalam keluarga menurut perspektif Islam: Socialization of gender education in family according to Islamic perspective. *RABBANICA - Journal of Revealed Knowledge*, 4(2), 73–90.
- Rajali, M. H. (2016). Pemikiran Kasim Ahmad terhadap sosialisme. *Jurnal Kemanusiaan*, 25(2), 35–46.
- Soetomo, G. (2023). Contemporary Islamic socialism: Conceptual debate and practical implementation. *Islamic Thought Review*, 1(1), 76–92.
- Thahhan, M. M. (2002). *Kepimpinan dalam pergerakan Islam: Tokoh pergerakan Islam masa kini Dr. Musthafa as-Siba'i* (Muhammad Baihaqi, Trans.). Al-Hidayah Publishers.
- Zarzur, A. M. (2003). *Mustafa al-Siba'i al-daciyah, al-mujahid, wa al-faqih al-mujaddid*. Dar al-Qalam.